

Sukarelawan Mampan berbakti di Felda

JERANTUT 18 April - Seramai 80 sukarelawan Majlis Mahasiswa Anak Pahang (Mampan) mengadakan program khidmat bakti di Felda Kota Gelanggi Dua dan Empat, dekat sini baru-baru ini.

Program itu disertai penuntut berasal dari negeri ini dan sedang mengikuti pengajian di pelbagai universiti awam serta swasta yang memberi mereka peluang menyelami kehidupan masyarakat peneroka di tanah rancangan berkenaan apabila tinggal bersama 25 keluarga angkat.

Antara aktiviti yang disertai mereka pada program tiga hari itu adalah bergotong-royong mengecat premis, membantu mencerahkan landskap rumah keluarga angkat, motivasi murid, sukareka dan menanam benih pokok

bunga di sepanjang laluan di sekitar Felda Kota Gelanggi Empat.

Seorang peserta, Nur Atika Masbach, 21, berkata, peluang tinggal bersama keluarga angkat di Felda Kota Gelanggi Empat memberikannya pengalaman baharu terutamanya tentang kehidupan peneroka di situ.

"Penempatan tersusun di Felda ini memberi gambaran masyarakat di sini hidup dalam suasana harmoni dan kekeluargaan."

"Kami juga berpeluang melihat sektor pertanian komersial dan usahawan mendominasi pekerjaan serta pendapatan peneroka di sini selain memperoleh hasil sawit," kata penuntut Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai itu ketika ditemui baru-baru ini.

Rakannya, Nor Amira Aini Ismail, 20, pula berkata, program

berkenaan memberi peluang kepada penuntut yang terdiri daripada sukarelawan Mampan melihat sendiri kejayaan Felda iaitu sebuah syarikat konglomerat yang mengubah kehidupan keluarga peneroka di situ menerusi sektor pertanian dan keusahawanan.

Mahasiswa dalam bidang Pengurusan Infrastruktur Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu berkata, program tersebut secara langsung mendidik peserta melengkapkan diri dari aspek kepemimpinan dan pengurusan serta bersedia mencorakkan pembangunan di luar bandar pada masa akan datang.

"Saya berterima kasih kepada pengurusan Mampan dan kerajaan negeri kerana melaksanakan "Ia sekali gus memberi ruang ke-

pada penuntut menyelami kehidupan komuniti peneroka yang merupakan antara penyumbang terbesar dalam pembangunan ekonomi negara," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk Felda Kota Gelanggi Empat, Norhuda Hassan, 60, berkata, kunjungan penuntut yang terdiri daripada anak negeri ini cukup signifikan untuk membantu masyarakat di situ mengupayakan bidang pertanian, pendidikan dan sosial.

"Rata-rata penuntut berkenaan mempunyai latar belakang pendidikan yang cemerlang dan mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan, matematik, teknologi dan industri yang mampu memberi idea kepada kami untuk memajukan kampong ini," katanya.



SUKARELAWAN Mampan 2017 bersama JKKK dan Pengurusan Felda bergambar dalam program khidmat bakti di Felda Kota Gelanggi Dua dan Felda Kota Gelanggi Empat, Jerantut, Pahang, baru-baru ini.